

596:

PARLIMEN - KOLEJ

1974

KUALA LUMPUR 7 NOV. (BERNAMA)—KERJAAN TELAH MENOLAK PERMOHONAN UNTUK MENDAFTARKAN "KOLEJ MERDEKA" KERANA PROJEK ITU TIDAK SELARAS DENGAN DASAR KERAJAAN MEMBINA SATU MASYARAKAT YANG BERSATU PADU.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT SEMASA SOAL JAWAB, PERMOHONAN UNTUK MENDAFTARKAN KOLEJ ITU DIXEMUKAKAN OLEH LEMBAGA PENGARAH KOLEJ MERDEKA SDN. BERHAD.

BELIAU BERKATA, PERMOHONAN ITU DITOLAK KERANA KERAJAAN JUCA BERPENDAPAT BAHAWA PENUBUHAN KOLEJ TERSEBUT AKAN BERTENTANGAN DENGAN DASAR EKONOMI BARU UNTUK MENGURANGKAN PERBEZAAN ANTARA KAUM.

DR. MAHATHIR MENJAWAB SOALAN ENCIK CHIAN HENG KAI (DAP-BATU GAJAH).—BERNAMA 1800/SZ